



UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute

FINAL EXAMINATION
JANUARY 2011 SESSION

SUBJECT CODE : MPW 1143
SUBJECT TITLE : PENGAJIAN ISLAM (ISLAMIC STUDIES)
LEVEL : DIPLOMA
TIME / DURATION : 8.00pm – 10.00pm
(2 HOURS)
DATE : 05 MAY 2011

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of THREE (3) sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer two (2) questions only.
 6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
-

THERE ARE 8 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 20 markah)**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Perkara yang boleh membatalkan iman adalah
 - A. tidak mengerjakan ibadah yang difardhukan.
 - B. percaya Islam sama sahaja dengan agama-agama lain.
 - C. melakukan perbuatan yang termasuk ke dalam dosa besar.
 - D. menyembunyikan keimanan kerana bimbang nyawa terancam.

2. Fahaman sekularisme ditolak oleh Islam kerana
 - A. melarang manusia berhubung dengan penciptaNya.
 - B. menyekat amalan keagamaan yang berbentuk ritual atau upacara.
 - C. menolak peranan agama dalam mengatur kehidupan duniawi manusia.
 - D. mengiktiraf peranan akal pemikiran manusia dalam mengejar kemajuan.

3. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai ibadat **kecuali**
 - A. lambang pengabdian jin dan manusia kepada Allah SWT.
 - B. tidak terbatas kepada persoalan ibadat khususiyat sahaja.
 - C. hanya diterima jika dilakukan dengan ikhlas oleh orang yang beriman.
 - D. tidak meliputi adat kebiasaan manusia seperti makan, beriadah dan berhibur.

4. Contoh kesalahan yang termasuk ke dalam kategori takzir adalah
 - A. membunuh dengan-tidak sengaja.
 - B. menuduh orang berzina tanpa mengemukakan empat orang saksi.
 - C. mengintip dan menjual rahsia keselamatan negara kepada pihak asing.
 - D. meminum arak tetapi tidak sehingga ke tahap menghilangkan kewarasan akal.

5. Manakah kenyataan yang **benar** mengenai *masalah dhoruriyyat*?
 - I. Memelihara kehalusan akhlak dan fitrah manusia yang sejahtera.
 - II. Masalah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta adalah setaraf.
 - III. Hukuman hudud disyariatkan bagi menjaga masalah dhoruriyyat.
 - IV. Tanpa masalah *dhoruriyyat*, sistem hidup manusia tidak dapat ditegakkan.

A. II dan III.	C. I, II dan IV.
B. III dan IV.	D. II, III dan IV.

Ajaran Islam bersifat sederhana dan seimbang dengan memenuhi keperluan kedua-dua aspek fizikal dan rohani manusia pada kadar yang bersesuaian dan selayaknya.

6. Kenyataan di atas membuktikan syariat Islam bercirikan
- A. *syumul*. C. *murunah*.
B. *rabbani*. D. *wasatiyyah*.
7. Ilmu ilham adalah ilmu yang diterima oleh
- A. para *awliya'*.
B. orang awam.
C. nabi dan rasul.
D. semua golongan di atas.
8. Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan *hukama'*?
- A. Ahli tasawwuf.
B. Masyarakat biasa.
C. Cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu.
D. Orang yang mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah S.W.T.
9. Manakah aspek kemajuan yang termasuk ke dalam pengertian istilah *hadarah*?
- I. Adat resam.
II. Kepercayaan agama.
III. Pembangunan bandar-bandar baru.
IV. Penciptaan dalam bidang sains dan teknologi.
- A. I dan II. C. I, II dan III.
B. III dan IV. D. II, III dan IV.
10. Manakah antara berikut merupakan ciri utama Tamadun Barat?
- A. Tidak memiliki sistem kepercayaan yang tertentu.
B. Menjadikan agama sebagai asas perkembangan tamadun.
C. Menjadikan kemajuan material sebagai asas utama tamadun.
D. Ketiadaan sistem ilmu pengetahuan yang maju dan sistematik.

11. Semua kenyataan berikut adalah benar mengenai Tamadun Islam **kecuali**
- A. menolak perkembangan kemajuan dari segi material.
 - B. al-Quran dan al-Sunnah menjadi sumber asasi Tamadun Islam.
 - C. runtuh apabila berlakunya kerosakan akhlak dalam masyarakat.
 - D. pengabdian diri kepada Allah S.W.T. menjadi asas pembinaan tamadun.
12. Tanggungjawab yang dikongsi bersama suami-isteri adalah
- A. menyediakan keperluan makan dan minum.
 - B. memberikan pendidikan kepada anak-anak.
 - C. menyediakan kediaman yang sesuai dan selamat.
 - D. meminta izin pasangan setiap kali ingin meninggalkan rumah.
13. Kenyataan yang **benar** mengenai kaedah mendidik isteri yang nusyuz adalah
- A. tidak semestinya dimulakan dengan memberi nasihat yang baik.
 - B. suami boleh mengusirnya keluar rumah jika masih ingkar setelah dinasihati.
 - C. suami boleh memilih untuk menasihati, pisahkan tempat tidur atau memukul.
 - D. pukulan adalah kaedah pilihan terakhir yang boleh diambil oleh suami jika diyakini berkesan.
14. Umāt Islam disebut sebagai *khayra ummah* oleh al-Quran kerana
- A. telah beriman dengan Allah SWT.
 - B. mempunyai kemuliaan akhlak yang hebat.
 - C. bersikap sederhana dan tidak melampau.
 - D. tegas mengajak ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.
15. Matlamat utama pendidikan menurut perspektif Islam adalah untuk
- A. melahirkan modal insan yang mampu meningkatkan produktiviti.
 - B. melahirkan insan yang seimbang dari segi fizikal dan spiritual.
 - C. mewujudkan generasi yang mempunyai daya intelektual yang tinggi.
 - D. memberikan ilmu pengetahuan pada tingkat yang paling maksimum.
16. Semua institusi berikut memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam di Tanah Melayu **kecuali**
- A. kuttab.
 - B. pondok.
 - C. surau.
 - D. madrasah.

BAHAGIAN B (Jumlah: 40 markah)

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

- (a) Jelaskan konsep Islam sebagai *al-din* dan perbezaannya dengan konsep *religion* menurut persektif Barat. (4 markah)
- (b) Nyatakan pengertian istilah berikut:
- (i) *syariah*.
 - (ii) Tauhid Asma wa al-Sifat.
 - (iii) *Maqasid al-Syariah*
 - (iv) *Tahsiniiyyat*
- (4 markah)
- (c) Senaraikan **dua** hukum yang disyariatkan bagi memelihara masalah hajiyyat. (2 markah)

Soalan 2

- (a) Terangkan pengertian jihad dari segi bahasa dan istilah. (4 markah)
- (b) Jelaskan maksud *jihad al-nafs* dan berikan **dua** langkah yang boleh diambil untuk melaksanakannya. (4 markah)
- (c) Nyatakan **dua** keadaan yang menyebabkan hukum jihad bertukar menjadi fardhu 'ain. (2 markah)

Soalan 3

- (a) Nyatakan **tiga** matlamat kesenian menurut perspektif Islam. (3 markah)
- (b) Senaraikan **tiga** kriteria sukan atau permainan yang dilarang oleh Islam. (3 markah)
- (c) Jelaskan **dua** batasan yang perlu dipelihara bagi mengekalkan keharusan muzik dan nyanyian. (4 markah)

Soalan 4

- (a) Nyatakan **dua** prinsip utama ekonomi Islam. (2 markah)
- (b) Jelaskan **dua** perbezaan di antara ekonomi Islam dengan sistem ekonomi Barat. (4 markah)
- (c) Terangkan maksud:
(i) *al-rahnu*.
(ii) *mudharabah*. (4 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah: 40 markah)

ARAHAN: Jawab DUA (2) soalan sahaja.

Jawapan hendaklah dikemukakan dalam bentuk esei.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

Soalan 1

Tamadun Islam telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada kemanusiaan sejagat dalam pelbagai aspek kehidupan.

Huraikan **empat** faktor kejayaan Tamadun Islam dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai bagi menyokong setiap faktor tersebut.

(20 markah)

Soalan 2

Institusi kekeluargaan yang kukuh adalah asas penting bagi melahirkan masyarakat dan negara yang cemerlang dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Bincangkan **empat** sumbangan yang boleh diberikan oleh institusi kekeluargaan ke arah pembentukan masyarakat yang bertaqwa.

(20 markah)

Soalan 3

Proses pendidikan Islam memerlukan kerjasama yang erat daripada semua pihak yang terlibat bagi menjamin pencapaian matlamatnya.

Bincangkan peranan yang perlu dimainkan oleh individu, institusi masyarakat, ulama dan negara dalam usaha menjayakan matlamat pendidikan Islam.

(20 markah)

Soalan 4

Syura dan hisbah adalah sebahagian daripada prinsip-prinsip pemerintahan dan pentadbiran Islam yang penting.

Huraikan perbezaan di antara konsep syura dan hisbah dan jelaskan **tiga** kelebihan pelaksanaan prinsip syura dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT